

NO. SOALAN: 95

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 10667

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penduduk tetap yang memohon kewarganegaraan Malaysia dan bilangan permohonan yang sedang diproses, diluluskan dan ditolak pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 2017, terdapat sebanyak 18,824 permohonan kewarganegaraan daripada Pemastautin Tetap yang telah diluluskan dan dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Dalam tempoh yang sama, terdapat 7,263 permohonan yang tidak diluluskan dan 19,016 permohonan masih dalam pertimbangan.